

NOTA POKET



IDULFITRI

TAKBIR DAN SOLAT SUNAT



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

DEFINISI 'IDULFITRI

Dikenali sebagai Hari Raya Puasa atau Hari Raya Fitriah. Ia disambut pada satu Syawwal setelah berakhirnya bulan Ramadhan sebagai tanda syukur kerana berjaya melaksanakan ibadah puasa

TAKBIR RAYA 'IDULFITRI

Takbir **sunat** dilakukan secara jahar (nyaring) pada bila-bila masa, bermula daripada **terbenam matahari** akhir bulan Ramadhan **sehingga** **solat sunat 'Idulfitri** didirikan. Takbir ini dinamakan sebagai Takbir Mursal kerana ia tidak terikat dengan waktu solat. Lafaz takbir adalah seperti berikut:



LAFAZ TAKBIR PERTAMA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَبِهِ الْحَمْدُ

(Dibaca secara berulang dalam bilangan ganjil)



LAFAZ TAKBIR KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا،
وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ،
وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ،
وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَبِهِ الْحَمْدُ

(Dibaca secara berturut-turut selepas lafaz takbir pertama)

SOLAT SUNAT 'IDULFITRI

Hukumnya adalah **sunat muakkadah**, didirikan secara bersendirian atau berjemaah pada awal pagi 'Idulfitri sebanyak dua rakaat dengan tatacara yang tertentu.

WAKTU SOLAT

Bermula 28 minit selepas terbit matahari (waktu syuruk) sehingga masuk waktu Zohor 1 Syawal. Solat hendaklah didirikan bersama ahli keluarga di rumah serentak pada jam **8.30 pagi**.

KAIFIYAT (TATACARA) SOLAT

Kaifiyat solat adalah seperti berikut:

- ▲ Lafaz **Niat** Solat Sunat 'Idulfitri

أُصَلِّي سُنَّةَ عِيدِ الْفِطْرِ رَكَعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat sunat 'Idulfitri dua rakaat sebagai imam / makmum kerana Allah Ta'ala.

- ▲ **Takbiratul ihram** dengan disertakan niat di dalam hati.
- ▲ Membaca **doa iftitah**.
- ▲ **Takbir Zawaid** (tambahan)
 - a) Rakaat pertama – Takbir tujuh kali tidak termasuk takbiratul ihram.
 - b) Rakaat kedua – Takbir lima kali tidak termasuk takbir *inti qalat*.
 - c) Sunat diselangi di antara takbir dengan membaca tasbih:
سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ
- ▲ **Membaca surah al-Fatihah**.
- ▲ **Membaca surah** daripada al-Quran (digalakkan membaca **surah al-A'la** pada rakaat pertama dan **surah al-Ghasyiah** pada rakaat kedua).
- ▲ **Ruku'**.
- ▲ **I'tidal** (Berdiri tegak selepas ruku').
- ▲ **Sujud** (dua kali pada setiap rakaat).
- ▲ **Duduk antara dua sujud**.
- ▲ **Tahiyyat akhir** pada rakaat kedua.
- ▲ **Salam**.

BERKHUTBAH DAN MENDENGAR KHUTBAH

Sunat berkhutbah dan mendengar khutbah sesudah mengerjakan solat sunat 'Idulfitri. Sila muat turun teks khutbah 'Idulfitri yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di pautan berikut.

<https://e-masjid.jais.gov.my/index.php/ekhutbah>

AMALAN SUNAT

- **Mandi** sebelum menunaikan solat sunat 'Idulfitri. Waktu afdhal adalah setelah terbit fajar (waktu Subuh).
- **Menjamah** makanan sebelum solat.
- **Memperbanyak takbir** dengan menyaringkan suara.
- Mengucap **selamat** dan **mendoakan** antara satu sama lain

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ / وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ / مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ وَالْمَقْبُولِينَ

Semoga Allah menerima (amalan) dari kami dan kamu / Sepanjang tahun semoga kamu dalam keadaan baik / Didoakan kamu tergolong dalam kalangan orang-orang yang kembali kepada fitrah, berjaya dan diterima amalan.

- Memakai **pakaian yang cantik**.
- Memakai **wangi-wangian**.
- Memperbanyak **sedekah**.

ZIARAH KUBUR

Ziarah kubur adalah **digalakkan pada bila-bila masa** kerana ia dapat membuatkan kita lebih mengingati kematian dan bersedia menghadapinya.

Sabda Nabi SAW:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَرُزُّوْهَا

Maksudnya: "Adalah aku dahulunya menghalang kamu daripada menziarahi kubur, maka (sekarang) ziarahilah kubur.

Riwayat Muslim

Walau bagaimanapun, ziarah kubur **tidak dibenarkan ketika PKPB** kerana boleh membawa kepada perkumpulan orang ramai.

PERKARA YANG DILARANG

- Berpuasa pada **1 Syawal**.
- Berbelanja dengan **boros** dan berlebih-lebihan.
- **Pergaulan bebas** serta bersalaman antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
- Berlebih-lebihan **bersolek** dan berwangi-wangian bagi wanita.
- **Mendedah aurat** dan berpakaian mencolok mata.
- Hiburan yang melampau serta **melalaikan** termasuk televisyen dan gajet.
- **Mengkhusus ziarah** perkuburan hanya pada hari raya sahaja.
- Mengabai dan **meninggalkan** solat fardhu.
- Kembali **melakukan dosa** dan maksiat,
- Mengaitkan rancangan **hiburan yang terlarang** dengan 'Idulfitri.

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

PENUTUP

'Idulfitri adalah perayaan ibadah bagi umat Islam. Digalakkan menghidupkan malam 'Idulfitri dengan perkara-perkara ketaatan seperti bertakbir, bertasbih, beristighfar, solat sunat dan membaca al-Quran. Teruskan dalam ketaatan sepanjang 'Idulfitri serta jauhkan diri daripada perkara-perkara maksiat dan sia-sia.



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 & 8 MENARA UTARA
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM

03-55143739
www.muftiselangor.gov.my

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR